




CENTRE STAGE Performing Arts
mempersembahkan

Pementasan Perdana
OPERETA PUISI

TiTiAN



PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

pada
13 - 16 April, 1993
di
Oditorium Bandaraya
Kuala Lumpur
jam
8.30 malam

dengan kerjasama
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & PELANCONGAN, MALAYSIA

Antara
T I T I A N
Dan
W A W A S A N

"Perkembangan Budaya
sama pentingnya dengan
kemajuan Ekonomi"
adalah diantara impian
wawasan dua puluh dua
puluh yang pasti kita lalui.



Untuk menjayakannya kita perlu
berilmu. ILMU bermula dari
pembacaan.

Opereta puisi TITIAN adalah satu
sumbangan ke arah merangsangkan
usaha untuk berjinak-berjinak
dengan pembacaan.

Inilah hadiah seniman-seniman
kerdil yang berjiwa besar kepada
negara yang tercinta Malaysia.

PERPUSTAKAAN
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

KATA - KATA ALUAN



MENTRI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA

MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA



Saya mengucapkan syabas kepada CENTRE STAGE Performing Arts kerana menjayakan pementasan Opereta Puisi 'TITIAN'. Tujuan murni CENTRE STAGE Performing Arts menggunakan puisi tanahair yang dilagukan sangatlah dibanggakan. Ini menunjukkan bahawa teater dan sastera dapat dicantumkan di mana peminat-peminat seni dapat menikmati dua bidang seni dalam satu pementasan.

Saya harap dengan pementasan ini ramai lagi rakyat Malaysia terutama sekali kaum remaja akan berminat membaca puisi oleh penyair-penyair tanahair.

Saya mengucapkan maju jaya CENTRE STAGE Performing Arts dalam kegiatan-kegiatan tanahair.

DATO' SABBARUDDIN CHIK
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia

KATA - KATA ALUAN PENAUNG PEMENTASAN



MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

Kata-kata Aluan



Saya mengucapkan tahniah kepada Centre Stage Performing Arts yang telah berjaya merakamkan opereta puisi TITIAN dan juga pementasan perdana pada malam ini. Ini merupakan penerokaan dalam genre baru dalam pengucapan seni tanahair yang wajar mendapat sokongan kepada peminat seni setempat.

Saya berharap persembahan puisi dalam bentuk opereta akan dapat memperkembangkan kesan puisi kepada masyarakat yang lebih luas. Ketika yang sama percubaan ini akan membuka ruang untuk menterjemahkan pengucapan puisi dalam bentuk muzik.

Masyarakat Malaysia yang cintakan seni ingin terus menerus melihat perkembangan seni dan budaya sejajar dengan pencapaian dalam bidang ekonomi. Sehingga kini harapan tersebut masih belum dapat dipenuhi. Justeru itu wajar kita mengharap mereka yang terlibat dalam bidang seni melipatgandakan usaha untuk memperkayakan khazanah seni negara.

(Anwar Ibrahim)

5 April 1993
12 Syawal 1413

NOTA PENGARAH

Malaysia, negara tercinta ini dianugerahkan dengan bumi yang kaya. Bebas dari bencana alam, tiada gempa bumi, tiada taufan, tiada gunung berapi. Cuaca politik boleh dibanggakan dan mendapat perhatian serta penghormatan di mata dunia. Bersyukur kepada Allah kita berpijak di atas bumi syurga ini.

Dengan anugerah ini nak kita apakan ia?

Di dalam kita dikejar oleh keperluan hidup dan belayar di arus waktu janganlah kita hilang wajah dan peribadi. Marilah kita berhenti seketika untuk membentuk wajah rupa yang kita kenali yang gagah dan berani.

Sejarah tidak boleh diubah. Masa depan penuh misteri. Tapi hari ini haluan hidup di tangan kita. Di dalam detik kehidupan yang mencabar dan memberangsangkan ini marilah kita bina titian-titian, agar masa depan yang penuh misteri tidak kita takuti. Mudah-mudahan anak cucu akan meniti hidup dengan cekal dan berani di atas titian yang kita bina.

Namun membina titian ini perlu diusahakan bersama. Sumbanglah apa yang terdaya — ongkos, tenaga, waktu, pemikiran, ilmu, kemahiran, apa saja

Ambillah apa yang perlu demi hidup — yang selebihnya zakatkanlah.

Mudah-mudahan Tuhan memberkati usaha ini.



NORMAH NORDIN



NOTA PENGARAH ARTISTIK / PEREKA PRODUKSI



Dalam perjalanan yang meniti kehidupan, kita kerap berdepan dengan berbagai rupa dan bentuk, warna dan jalinan, yang datang dari setiap penjuru, semestinya kita harus menerimanya secara terbuka dan bersyukur, kerana dapat melihat dan mengenal antara halus dan kasar. Jalinan ini yang membentuk tekstur dalam udara kehidupan, yang mencerminkan visual yang beragam.

Semoga titian kehidupan ini menjadikan manusia insaf — tiada siapa yang lebih — — — — — berupaya antara satu sama lain — kerana ianya milik dan kehendak Tuhan subhanahu wata'ala.

NAJIB NOR

Visual

SIRI KALIGRAFI MODEN PELUKIS SHARIFAH ZURIAH ALJEFFRI TERUTAMANYA 'BOSNIA NO.15' MENCETUSKAN ILHAM VISUAL BAGI "TITIAN".IA BERTEMAKAN PERTEMBUNGAN BARAT DAN TIMUR. RASA DICURAHKAN MELALUI SIMBOL WARNA TEKSTUR DAN STROK. IA DILETAKKAN SEDEMIKIAN HARMONI DAN SEIMBANG. TANPA MENONJOLKAN MANA-MANA SIFAT. BEGITU JUGA "TITIAN", MENYAMBUNG PENA DAN SUARA MENJADI SATU, MENCIPTA RASA. MEMBUKA FIKIRAN SEKALIGUS.



THE DIRECTOR'S MESSAGE

Beloved Malaysia is prosperous - free from natural disasters, no earthquake, no hurricane, no active volcano. The political climate is stable and is appreciated the world over. We are grateful to Him for this heaven on earth.

So then what do we do with this gift?

As we are being chased by the needs of life and sailing through time don't let us lose our soul and personality. Let us pause awhile and shape our strength and courage.

History is past. The future is full of mystery. But today the direction of our life is in our own hands. As we go through life's ever challenging yet encouraging moments, let us build the "bridges" so that the mysterious future will not be feared. Hopefully our children's children will tread the bridges that we built with confidence and determination.

However, these bridges have to be built together. So contribute what you can - money, energy, time, ideas, knowledge, expertise, whatever Take what you need from life and share the rest.

Hopefully our efforts will merit His blessings.

PARA PEMAIN **Pelakon – Penari – Penyanyi** **The Players**

Pelakon
ABDUL HAMID HASSAN
MUSTAKIM MUHIDIN
RAJAN
SHAMSUL RAHMAN
VICKY WONG
ZARIDAH ABDUL MALLIK

Penyanyi
IRYANDA MULYA
SITI HAJAR ISMAIL
YUAZ KASSIM

Penari
GUNA
MEK NAB
THARUWAT ISMAIL BAKTI

Kanak kanak
AZA AZMEERA OMAR
FATIMAH MAHMUD
KHADIJAH MAHMUD
NORMALISA ROSLAN
SHAHRIZAL SHAHMARUDIN
SHARIFAH MUNIRA SYED
AZMAN SHAH
TUNKU DEMELIZA TUNKU
MOKSIN
TUNKU MUKRIZ TUNKU
MOKSIN

Musik tradisional
Pimpinan
Rebab
Gendang
Gong

–THARUWAT ISMAIL BAKTI
– IRYANDA MULYA
– YUAZ KASSIM
– SITI HAJAR ISMAIL

Persembakan yang baik mesti
lahi buat dengan bersungguh
dan betul, dari hati kita
. Sena diri yang jujur.
THARUWAT

Den orang negeri
Environment-friendly
user-friendly
teacher friendly
RAJAN

Tiap II produksi mesti
Jalan baru tinggat
Kerapen kita pada mutu
persembakan. Baku
kita berjaya. MEK NAB.

MEK NAB

Dida, sebagai choreographer, pelakon
dan penari, amat besar sungguh tugas
dlm produksi sekali ini. Tapi kerana
cintakan seni, Dida bangga sekali
diberi peluang sebegini. Sapa Dida
ZARIDAH




MUL
Satu lagi proses
Pen belajaran untuk
saya "HANKS"




'Operetta Puri Titi'
During practice lah
best, macam-macam
hal. CT-Hajar.
SITI HAJAR



YUAZ
Bingung merenung
hubungan otak & perasaan



Abdul Hamid Hassan
Sebagai seorang
seniman, pendapat saya
lahi 'Operetta Puri Titi'
ini menghambakan lagi
kesedaran hati dan
fikiran saya walaupun
dini-lu terkejut. HAMID



MUSTAKIM



IDC24U2CN4U2

ME!
Shamsul



ME!!!
Berpantun, betulkah ini?
Tak cuba tak tau,
Betul Tak?
Vicky VICKY


AS A DANCER THIS IS ANOTHER
"PAKE" FOR ME TO COLOUR AND
TO GIVE LIFE TO THE LINES
THAT HAVE BEEN WRITTEN.
GUNA



GUNA

1. SHAHRIZAL
2. SHARIFAH MUNIRA
3. AZA AMEERA
4. TUNKU DEMELIZA
5. TUNKU MUKRIZ
6. FATIMAH
7. NORMALISA
8. KHADIJAH

PASTI MENJADI GENERASI WAWASAN DUA
PULUH DUA PULUH



...TEATER ?

.....Teater ?

Boleh cari makan ke ?

Ya, tentu - makanan rohani yang sudah lama dinanti.
Faham.....? Tak ?

Teater ialah sehiris kehidupan yang dihadirkan dengan penuh kesenian secara hidup hidup. Tiada penipuan. Apa yang dilihat itulah dia.

Teater yang bagus kan menjadi satu acara keraian diantara pekerjaanya dan penontonnya. Apabila kita bertepuk dan bersorak adalah untuk kita bersama.

Terlalu istimewa - Exclusive.
Tidak boleh dibiarkan dicincang di tangan orang dagang yang pincang otakanya.

Memang teater itu istimewa. Sebab itu persediaannya, mengerjakannya terlalu payah.

Bermula dari ilham yang diresapi dari permasalahan masyarakat

Cari susah siapa suruh ?

.....Kemudian ilham digarap dicari asam, garamnya :-

Pelakon
yang berlatih nak cari di mana ?
Kerja keras - hafal kata-kata.
Faham makna. Jujur. Faham makna dengan jujur.
Hidupkan watak.
Berlatih berbulan-bulan, mana bayaran ?

Ruang pentas - ruang latihan di mana ?
Kena sewa.
Jumpa Dewan Bandaraya
Nak buat apa ?
Dapatkan percuma.
Jangan harap !
Sewanya sama macam concert rock yang di sponsor tauke rokok.
Cuba.
Dah penat naik tangga sampai nak gila.
Takkan tak boleh rayu dan bicara ?

Set, prop, pakaian siapa nak bayar ?
Guna apa yang ada.
Tak ada glamour.
Buang masa.

Nanti, belum habis lagi.

Lesen mana ?
Skrif mesti bagi pada datuk sargen.
Pastikan tiada yang provocative.
Tapi sajak semua sudah ditapis,
di cetak dan diterbitkan.
Itu kata kita, kata dia bukan.

Kita jual tiket cari duit ?
Mesti bayar cukai dulu.
Berapa.
Sama macam panggung wayang,
Show commercial tak ada beza.
Sorry tak ada pengecualian.

Berapa tiket ?
Dua puluh ringgit.
Amboi teater Melayu pun mahal ?
Bagilah masuk percuma.
Show asing mampu.
Itu tak sama.
Kita mahu dilihat bersama orang ternama.
Tak faham pun tak apa.

Publisiti. Berita dah lama bagi.
Kenapa tak keluar-keluar lagi ?
Teater bukan berita - tak ada tarikan apa apa.
Tak ada pesta, tak ada pemenang yang terbaik, baik.
Baik terbaik itu terbaik ini.
I pun nak piala.
Jum kita buat sendiri.

Minta peruntukan pelancongan ?
Yang datang bukan reti cakap kita.

Goda menteri kewangan.
Jangan berangan.
Kamu dah bayar income-tax.

Ngapa payah benar nak buat teater ?
Tapi orang teater buat juga. Gila.
Terus buat gila-gila dan mesti diteruskan juga.
Ngapa, ngapa

Kita sedang menghaia satu wawasan yang sangat mencabar.

1. **TEATER ? – Penggerak Budaya**
".....Makanan rohani yang sudah lama dinanti."

2. **SUDAH BIASA TUAN – Darwis Amin**
".....berbahas itu meninggi pekerti"

3. **MENTERA SEORANG GURU – Shamsherbie Naruddin**
".....jadilah engkau murid yang baik."

*Setiap kita pasti akan berhijrah untuk mengisi impian hidup.
Tapi apakah persediaan yang ada?*

4. **PERJALANAN – Shamsherbie Naruddin**
".....Semoga perjalananku ini
tamat dengan sejalur cahaya....."

5. **TITIAN – Dato' Dr Usman Awang**
".....siapa kita sendiri yang meniti Titian ini."

6. **KOTA KERTAS TANDAS – Baha Zain**
".....Kota ini kakinya simpang siur
sarafnya kawat berduri....."

7. **PENJUAL PISANG DI KAKI LIMA – Dato' Dr Usman Awang**
".....Manakah rasa yang dapat merasa
manusia hidup sesamanya, memburu apa?....."

8. **NOTIS DATO' BANDAR / DENGAN PERINTAH – Zaihasra**
".....dengan perintah kita ADA
dengan perintah NYA ADA."

9. **LAMBANG – Tg. Alauddin**
".....ahai hidup lambang berlambang
seharusnyakah dapat dipegang."

KOTA KERTAS TANDAS (sambungan)

10. **SURAT DARI MASYARAKAT BURUNG KEPADA DATUK BANDAR – Dato' Dr Usman Awang**
".....kami tetap menghormati tuan yang pernah menjanjikan untuk
MENGIJAUKAN SELURUH WILAYAH.
Tapi manusia kota telah membunuh KEHIJAUAN alam
semata-mata untuk mengejar kehijauan ringgit....."

11. **I TAK NAK JADI GINI – Ladin Nuawi**
"....daddy beri nama macam nabi
tapi member panggil I Susy...."

12. **DALAM BISTRO – Abd Rahman Adnan**
".....tanpa bercakap
dua berhadap
satu berharap....."

Tiada siapa yang terkecuali termasuk seniman teater sendiri. Perkembangan budaya sama pentingnya dengan perkembangan ekonomi Adalah antara visi twenty twenty. Kita perlu contoh sebagai bukti. Kita perlu mencari wajah yang tersendiri.

Menjamah pengalaman teater, adalah seperti satu hidangan makanan garapan semua kesenian. Penulisan, filsafah, sejarah, rekaan, muzik, lakonan, Khazanah bangsa

Bagaimana hendak kita mulakannya ? Tidak lain dari berilmu. Ilmu bermula dari pembacaan. Ayuh mari kita mula kerja. Mari kita ransangkan citarasa dan goda benak, benak kita yang dah lama beku.

Dah kerja teruk-teruk pun kena kritik juga. Katanya intelek tiada. Ataupun terlalu tinggi tak ada yang mengerti. Malu kita tau.

Kritik kemudian. Kerja dulu.



SENARAI SAJAK PEMENTASAN

(Mengikut giliran persembahan)

13. **RAYUAN WANITA ASIA – Baha Zain**
".....yang tinggal aku
pewaris kuman dan kehancuran....."

14. **POTRET DIRI SEORANG YANG BERNAMA AKU – Suratman Markasan**
".....adik-adik yang menghisapi darahku
mereka besar juga"

I TAK NAK JADI GINI (sambungan)

15. **KETANDUSAN – Sharifah Maznah Abu Bakar**
".....Ketandusan fikiran ini
adalah jiwa-jiwa yang mati....."

Kalau beginilah proses membesar bagaimana hendak menjadi manusia sempurna. Ya TUHAN! Kita perlu pulang ke pangkal jalan.

16. **TUHAN - Abd. Rahman Adnan**
".....sehelai setahun
uban semakin tumbuh....."

17. **AKU RINDU - Muhammad Sabli S.H.**
".....rindu wajah-wajah dibalik tabir, ayu....."

18. **JANGAN - Abd. Rahman Adnan**
".....Jangan menangis bila cinta berdebu terbang
jangan kau jangankan segala kemaraan nyawa kita....."

19. **KADANG-KADANG - Abdul Ghafar Ibrahim**
".....Kadang-kadang tak suka apa-apa
meradang saja
tak tahu nak buat apa....."

20. **CATATAN RINDU DI SG. SARAWAK - Margi Leo**
".....biar surut airmu
biar roboh tebingmu kau tetap kekasihku....."

*Ada diantara kita merantau jauh - ke negeri orang juga pulang
....dengan bekalan?*

21. **MANUSKRIP KOTA ROJAK – Ladin Nuawi**
".....tapi ada jalan tak ada lebuhraya....."
tapi ada lebuhraya kena tol....."

22. **SAHABAT – Abd Rahman Adnan**
".....saudara-mara sama sekandung
besok akan pergi semua kejauhan
kehilangan mereka begitu pahit akan terasa"

23. **SATU PERJANJIAN – Adi Badiozaman Tuah**
".....kata sepakat
esok pulang bawa kemenangan."

24. **KEMBARA – Adi Badiozaman Tuah**
".....dalam kembara yang tidak bernoktah ini
kita teruskan nyanyi tari.....
dengan satu simfoni
dan satu nada suara"

25. **TANAH LAHIRKU – Latifah Hj Shebli**
".....lambaian tanganmu menguat langkahku
pastiku kan kembali padamu....."

*Kita harap semuanya telah selesai apabila pulang ke asal.
Apakah kebenarannya?*

*Kita tidak boleh berharap apa yang kita mahu tanpa
melibatkan diri menjayakannya. Menunjuk jari kepada
kesilapan orang lain lebih senang daripada diri sendiri.*

26. **CATATAN – Maarof Saad**
"di mana keadilan
jika desa kami di anakirikan?"

27. **HIDUP DALAM KETERBATASAN – Maarof Saad**
".....kita tidak perlu memperkecilkan sesiapa.."

28. **BUDAKTUA – Abdul Ghafar Ibrahim**
".....Penderitaan bukan penyakit
ia mesrarsa..."


29. **PELABUHAN JAUH – Prof. Hj. A. Wahab Ali**
".....apa yang ada tidak disetujui
apa yang enggananya dulu belum tentu.."

30. **SUKA DUKA – YAB Datuk Patinggi Tan Sri Abd Taib Mahmud**
".....sesudah terasa suka dan duka
barulah terduga nikmat budaya..."

31. **JIWA MERDEKA – Ucapan Dato' Onn Jaafar**
"Marilah kita berikrar dengan diri kita bahawa kita tiada
kekurangan sedikit pun daripada lain-lain bangsa....."

32. **DI PERSIMPANGAN – Shafie Abu Bakar**
".....bakal mencari sebuah penemuan
dengan kegairahan ini aku terus berangkat..."

33. **AKU SEDAR – Dato' Dr. Usman Awang**
"kerana kesedaran menyebabkan
manusia berjuang...."



TITIAN
Logo "TITIAN"
oleh Sharifah Zurrah Aljeffri



SHARIFAH ZURIAH



SHAKRANI

KENCHANA

KAN NORDIN, CHANZIB
KAR SHARIPAH, MAT
SHAK, KENCHANA
PAKID, HADI
HM, JEFF
BAYU, ZARINA

PULSI + LAGU + SET
PUL, SITI, LUIS
DIDA, UAT, MEL, NOL
UAT, MIDAH
SUANSUL, RAJAY
VICKY
BUDAK - BUDAK
KOSTUM
SUTRA

TAPAK
CENTEE STAGE
CUSTOMER COSTUME
SUTRA

OPERA PULSI "TITIAN"

Educational
for me!

ZARINA

Menipu kematangan
berfikir dan bertindak

Mat Uzali

Kali pertama terlibat secara
suvis no komen. teroga.
dulu baru tau.
Farid

Saya sebagai pembantu produksi
Dan mendapat OPI bagi saya
amal serius. beres kali pertama
terlibat dalam OPI.
JEFFRI

Raya sebagai crew set
OPI bagi saya amat mengasyikkan
walau pun sedikit waktu dihabiskan
bagi saya kerana itu pertama
kali saya terlibat dalam OPI.
NORADZLIN



ZAKIMI



Kembali menghayati
dunia terasing

Hadi



BAYU UTOMO

ANTARA BAKAL PEMIMPIN WAWASAN
DUA PULUH DUA PULUH

PEMENTASAN "TITIAN"

Tenaga Produksi

Penerbit Undangan
SHARIFAH ZURIAH ALJEFFRI
Penerbit Eksekutif
Pementasan SHAKRANI
Publisiti KENCHANA
Pentadbiran MOHD UZALI

Panggung
AKMA
JOHINA
HASNIDA

Program
NORMAH NORDIN
NORAINI OTHMAN

Pengarah
NORMAH NORDIN
Pengarah Artistik
NAJIB NOR
Pengarah Seni
BAYU UTOMO
Koreografer
ZARIDAH ABD. MALLIK
Pembantu Kostumer
ZAKIMI

Pengarah Teknik HADI
Set NORADZLIN
Bunyi FARID AZLAN

Pembantu
ZARINA DR. SHARIL
JEFFERI ABD. MANAF
MATAHATI Garden of Art

Opera Puisi Titian;
mencerminkan litar
lumba kehidupan manusia
dalam mencari pengertian
'hidup'
Bayu Utomo Radjikin

CENTRE STAGE Performing Arts

TUJUAN Kuala Lumpur sebagai ibu negara masih belum mempunyai satu tradisi teater yang boleh dibanggakan. CENTRE STAGE Performing Arts (C.S.) ingin bersama berusaha membudayakan masyarakat.

Kerana teater.....
menggarapkan citarasa masyarakat dan menjadi cermin suara hati mereka, sekaligus menyumbang ke arah perkembangan kebudayaan dan kehalusan pemikiran. Anggota masyarakat ini terdiri dari para seniman serta pekerjaannya, badan serta institusi swasta, dermawan, individu, masyarakat dan pemerintah.

Melalui usaha sepadu, kita berharap perkembangan ekonomi kehidupan kita akan juga diiringi bersama dengan peningkatan kehalusan citarasa untuk membantu kita menilai dan mengerti kebenaran kehidupan melalui seni dan sekaligus mendaulatkan bangsa dan negara.

AKTIVITI Centre Stage Performing Arts menyediakan ruang untuk pertembungan seniman berbagai bidang dan berbagai tahap kemahiran. Setiap penggiat teater yang terlibat bersama C.S. diberi latihan sekurang-kurangnya dalam tiga bidang: lakonan sebagai asas. Contohnya: lakonan, pentadbiran, teknikal, rekaan, penerbitan dan sebagainya yang berkaitan.

Tujuan diadakan latihan seperti ini adalah kerana setiap penggiat teater harus mempunyai pengertian serta fahaman yang lebih menyeluruh terhadap bidang teater. Selain dari menerbitkan produksi sendiri, C.S. juga menyumbangkan kemahiran produksi kepada organisasi lain yang memerlukan nya. Usaha seperti ini diharapkan akan dapat melatih serta melahirkan seniman yang akan mengisi keperluan Negara.



PELANCARAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA
terbitan Centre Stage
anuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan
arahan Normah Nordin

"NOSTALGIA LAGU KU" karya dan arahan Najib Nor



CENTRE STAGE Performing Arts – PROFILE

Malaysia has yet to have its own theatrical tradition (continous theatre seasons). The CENTRE STAGE Performing Arts would like to contribute towards this vacuum in a building a more cultured society.

Centre Stage provides a space to encourage artists of different skill to meet. Every theatre enthusiast who is involved with Centre Stage activities is trained in at least three different production disciplines, with acting as the base e.g. acting, administration, technical, design, production etc. The objective of the training is to provide a total understanding of the theatre works. It is hoped that with such concerted effort there will be explosions of creative energies.

CENTRE STAGE Performing Arts is a unique theatre establishment in this country that has enjoyed a high reputation both as a full time professional production company as well as a production servicing company. Established in 1988 under the direction of Normah Nordin and Najib Nor two dynamic creative personalities. Under their leadership Centre Stage has undertaken numerous theatre productions including highly complex ones involving the use of sophisticated techniques and diverse talents.

PEMENTASAN AKAN DATANG Productions in Preparation

1993	Mei	— Gema lengkok bersama ZARIDAH K ABD MALLIK
	Jun	— Teater Puisi "TITIAN" ke TV
	Julai	— Karya asal Normah Nordin tentang "PERHUBUNGAN"
	September	— "GERAK KITA" drama tari
	Disember	— Drama Antarabangsa



"WAN EMPUK WAN MALINI" —
karya dan arahan Normah Nordin

BANTUAN PRODUKSI Production Support

- 1988**
- Silver Jubilee National Council of Women Organisation (NOWO) — Shangri-la Hotel, KL
 - "Pulang" Teater Puisi 25 Tahun Sarawak Di Dalam Malaysia — Kuching, Sarawak
- 1989**
- "Malam Haram" Sambutan Ulangtahn Ke 50 Kumpulan Utusan Melayu — Shangri-la Hotel, KL
 - "Kota Ibu Kaya" Teater Puisi Karya Asal — Dewan Bahasa Dan Pustaka, KL
 - "Nostalgia Lagu Ku" Karya Asal Najib Nor — Panggung Bandaraya, KL
 - Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 1990 — Dataran Merdeka, KL
- 1990**
- Pelancaran Terus UTA Airlines Kuala-Lumpur Ke Paris — Shangri-la Hotel, KL
 - Perayaan Wanita UMNO 40 Tahun — PWTC, KL
 - "Nostalgia Lagu Ku" (pementasan ulangan) — Park Royal, KL
 - Simposium Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia — PWTC, KL
 - "Strange Days Concert" Concert Lagu Yang Belum Dirakamkan — The British Council, KL
 - "Wan Empuk Wan Malini" Karya Asal Normah Nordin — MATIC, KL
- 1991**
- Nottingham Alumni Dinner — Shangri-la Hotel, KL
 - Pelancaran Minggu Alam Sekitar — Tasik Perdana, KL
 - "MARA 25 TAHUN" — PWTC, KL
- 1992**
- Majlis Santapan Beradat Bersama Angkatan Tentera Diraja Malaysia — Shangri-la Hotel, KL
 - Pelancaran Proton Saga "ISWARA" — Dataran Merdeka, KL
 - "Sirih Bertepuk Pinang Menari" Karya Noordin Hassan — Pulau Pinang

BANTUAN AMAL Charitable Support

- 1989**
- Bazaar Amal Ria — Pan Pacific, KL
 - Hiroshima — The British Council, KL
- 1991**
- "Red Riding Hood" Charity Pantomime — Panggung Bandaraya, KL
 - "From Italy With Love" — Shangri-la Hotel, KL
- 1992**
- World Wildlife Fund — Shangri-la Hotel, KL

EXPERIMENTASI Experimental Project

- 1989**
- "Kotak - Kotak" — Balai Seni Lukis Negara
 - Konsert Pemusik Muda — Balai Seni Lukis Negara
- 1990**
- "Malam Kemerdekaan" — Dewan Bahasa & Pustaka

PRODUKSI ANTARABANGSA International Production Support

- 1989**
- "The Tempest" — Cheek by Jowl Theatre Company London, Oditorium Bandaraya
 - The Oberlain Dance Company, San Francisco U.S.A., Oditorium Bandaraya





guru & penasihat vokal
SITI CHAIRANI



penerbit mutakhir
KUDIN



Undangan
DATO' SERI NORAINI JANE



YUJAZ KASSIM
IRYANDA MULYA

Tamu Istimewa
FAUZIAH NAWI
SITI HAJAR ISMAIL

ALBUM

Penyanyi Utama
IRYANDA MULYA
SITI HAJAR ISMAIL
YUJAZ KASSIM

SENARAI LAGU -LAGU

A
SG. SARAWAK - Margi Leo
TANAH LAHIRKU - Latifah Hj. Shebli
TITIAN - Dato' Dr. Usman Awang
AKU SEDAR - Dato' Dr. Usman Awang
DI PERSIMPANGAN - Shafie Abu Bakar

B
BRIDGE OF DESTINY ("Titian" dalam Bahasa Inggeris)
PELABUHAN JAUH - A. Wahab Ali
TUHAN - Abd. Rahman Adnan
SUKA DUKA - YAB Tan Sri Dato' Patinggi Abdul Talib Mahmud
SAHABAT - Abd. Rahman Adnan

Konsep

KETIKA MANUSIA MODEN DI KEJAR OLEH KEPERLUAN HIDUP DAN BELAYAR DI ARUS WAKTU, MARILAH KITA BERHENTI SEKETIKA, MENJENGUK KE DALAM DIRI, MENINJAU KEHADIRAN KITA.....

ALBUM OPERETA PUISI "TITIAN" LAHIR SEBAGAI TINGKAP UNTUK MENJENGUK SEKETIKA KE ARAH "TITIAN" HIDUP INI.

INILAH SUMBANGAN SENIMAN- SENIMAN Kerdil yang berjiwa besar TERHADAP MASYARAKAT SERTA NEGARA YANG TERCINTA, MALAYSIA.


NORMAH NORDIN - Penggerak Budaya

Tenaga Produksi

konsep & arahan komposer - NORMAH NORDIN
- IRYANDA MULYA
YUJAZ KASSIM
kawalan muzik penerbit mutakhir - MANAN NGAH
studio mutakhir - KUDIN
- ARTCELL STUDIO
jururakam bunyi - BAK & JUDE
penerbit awal - DAVID YEE
studio awal - SAMICHAEL STUDIO
jururakam bunyi - JUDE VAN HUIZEN
gubahan lagu - KUDIN - "SAHABAT, PELABUHAN JAUH"
AYOB - "TITIAN"
DAVID YEE, MEI SAN, HELEN YAP -
"TUHAN, SUNGAI SARAWAK,
TANAH LAHIRKU, SUKA & DUKA,
DI PERSIMPANGAN, AKU SEDAR"

pemuzik rakaman mutakhir - keyboard, KUDIN - "TANAH LAHIRKU, SAHABAT, SUKA & DUKA,"
gitar, MUS "TANAH LAHIRKU, AKU SEDAR, SAHABAT, DI PERSIMPANGAN, PELABUHAN JAUH"
gitar, bass, - IRYANDA MULYA "TITIAN"
- NICKY OOI "TUHAN, TANAH LAHIRKU, SAHABAT, SUKA & DUKA, DI PERSIMPANGAN"
drum, - GARY GIDEON "SUKA & DUKA, TANAH LAHIRKU, DI PERSIMPANGAN, SAHABAT, SUNGAI SARAWAK, AKU SEDAR"
cello, rebab, sapa, - NASRAN NAWI "TITIAN"
- IRYANDA MULYA "TUHAN"
- IRYANDA MULYA "SG. SARAWAK"
pemuzik rakaman awal DAVID YEE, MEI SAN, HELEN YAP, YUSUF, NAN, AYOB

Pengarah Artistik - NAJIB NOR
grafik - NORMAH NORDIN
kostume - CUSTOM COSTUME
kostumer - NAJIB NOR & ZAKIMI
rambut - IMA SALOON
solekan - CIK NAN



Apakah yang dapat meyakinkan anda pada seratus tahun akan datang?

Jika anda ahli nujum, dapatkah anda meramalkan masa depan Malaysia?

Mungkin.

Mungkin, seperti Shell, anda juga dapat meramalkan yang semuanya akan lebih baik dari 100 tahun yang lalu?

Pasti boleh.

Kami memandangkan satu wawasan sebuah negara yang maju. Rakyat hidup selesa dalam suasana gembira, di mana terdapat pendidikan sempurna, teknologi tinggi dan keselamatan yang kukuh.

Pendek kata, akan terdapat kehidupan yang lebih bermutu dan kami di Shell berazam akan berusaha memastikan yang ia menjadi satu kenyataan.

Walau bagaimanapun, azam kami itu bukanlah terbatu kepada usaha memenuhi kehendak bidang permotoran di Malaysia sahaja.

Malahan, ia lebih daripada menyediakan barangan bermutu dan stesen minyak masa depan yang cemerlang. Lebih lagi daripada itu.

Ia merangkumi perkhidmatan secara melaburkan berjuta-juta ringgit melalui pembiayaan biasiswa dan bantuan pendidikan bagi anak-anak kita. Secara menghulurkan bantuan ke arah membina alam sekitar yang lebih bersih, jalan raya yang lebih selamat, dan menerusi pemindahan teknologi.

Dan lebih lagi.

Dan semua ini kerana, sebagai pemimpin dalam

industri yang penting, Shell berazam dan bercita-cita untuk sentiasa bersama-sama dengan Malaysia di dalam memelihara, mencipta sesuatu yang baru dan meningkatkan profesionalisme.

Nilai-nilai ini membantu kita membina masa depan yang lebih cerah bagi anak-anak kita, dan cucu-cicit mereka.

Tegasnya, anda tentu akan yakin bahawa Shell dan Malaysia akan maju bersama ke arah mencapai wawasan 2020.

Dan seterusnya.



ANDA TENTU YAKIN DENGAN SHELL

SEKALUNG BUDI

Terlalu ramai yang telah menyumbang budi untuk memungkin kami mengadakan acara ini. Tentu sekali tak termuat di dalam ruang segini kecil. Maaf jua yang diminta.

Semua penyair yang mana karya mereka telah menyentuh rasa dan memungkinkan berbagai cetusan aktiviti seni terima kasih tak terbalas.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN
& PELANCONGAN
Encik Ismail Adam

Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia
Utusan Malaysia
PETRONAS

SHELL
ESSO

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Dewan Bahasa & Pustaka

NST
RTM
TV3

THE STAR
Berita Harian


Ciku Records (M) Sdn Bhd
EMI (Malaysia) Sdn Bhd
KHAD

Sdr Ramli Ibrahim
SUTRA

Tuan Hj Supiat Mukri
Balai Seni Lukis Negara

SEMUA MAJALAH, AKHBAR
& PIHAK PERIBADI

Malaysia's
richest resource
isn't petroleum



Malaysia is indeed fortunate in having not only an abundance of petroleum resources, but more important, innovative, hardworking Malaysians.

Today, at PETRONAS, Malaysians of varied skills are playing an increasingly important role in our ever expanding petroleum industry. For more than a decade now, they have received wide-ranging and specialised training in all aspects of this industry.

As a result, fully qualified Malaysians are manning all the key operations at PETRONAS as skilled professionals

in *Exploration *Production *Processing *Refining and *Manufacturing.

Malaysians working for the National Petroleum Corporation have helped make significant contributions to the petroleum industry and to the national economy.

The petroleum industry has since grown to touch the lives of all Malaysians by providing employment and business opportunities as well as upgrading skills and the quality of life.



PENYEBAR FIKIRAN RAKYAT

Utusan

M A L A Y S I A

UTUSAN
TERUS
UNGGUL
SEBAGAI
AKHBAR
NASIONAL